

ISNIN  
15 04  
2019



# BH DIDIK

bhdidik@bh.com.my

**3 PERSONALITI**  
Ainul aktif berujah

**5 BAHASA INGGERIS:**  
The simple present tense

**13 SAINS:**  
Magnet dan pengukuran

## MEDAN CUNGKIL BAKAT MURID

➔ Penganjuran hari sukan sekolah bantu lahirkan atlet pelapis

Oleh Maria Uffa Zulkafeli  
maria.uffa@bh.com.my

► Puchong

**S**ukan adalah satu bidang yang penting dalam mengoptimumkan keupayaan fizikal murid, selaras dengan ungkapan 'minda cerdas terletak pada tubuh yang sihat'.

Bidang itu memainkan peranan penting bagi melahirkan modal insan yang sihat, cergas

dan produktif yang dapat memberi sumbangan kepada kesejahteraan sosial dan pembangunan negara.

Acara sukan tahunan menjadi satu program wajib yang akan dilaksanakan di setiap sekolah di negara ini mengikut takwim persekolahan masing-masing.

Minggu ini *BH Didik* membincangkan mengenai kepentingan penganjuran sukan sekolah khususnya terhadap murid.

Lihat muka D2.

“Membimbing Ke Arah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) khusus untuk calon UPSR”



Layari [www.FullAMark.com.my](http://www.FullAMark.com.my) untuk melanggan dan mendapat lebih banyak soalan UPSR



**Berita**

# Acara sukan tonjol protensi diri murid

**Dari Di**

**Penganjuran** sukan sekolah adalah di bawah unit kokurikulum di setiap sekolah dan biasanya tarikh pelaksanaannya berdasarkan penetapan pengurusan sekolah masing-masing.

Penolong Kanan Kokurikulum Sekolah Kebangsaan (SK) Puchong Utama 2, Encik Wan Abdul Rahman Wan Noh, berkata acara sukan tahunan adalah sebahagian daripada

aktiviti kokurikulum termasuk merentas desa, sukaneka Tahap Satu dan prasekolah, sukan tara, perkhemahan dan hari anugerah kokurikulum.

Beliau berkata, sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara, penganjuran sukan tahunan sekolah bermatlamat untuk memberi peluang kepada murid untuk menonjolkan potensi diri masing-masing menerusi acara sukan yang diperbandingkan.

"Sukan tahunan adalah kejohanan olahraga yang merangkumi acara padang seperti lompat jauh, lompat tinggi, lontar peluru dan acara balapan seperti larian 100 meter (m), 200 m, 4 x 100, 4 x 200 dan 80 m berpagar," katanya.

**Bakat baharu**


Encik Wan Abdul Rahman berkata, penganjuran acara itu sebenarnya menjadi platform utama bagi setiap sekolah untuk mencari dan mencungkil bakat baharu dalam sukan olahraga.

Katanya, murid yang berpotensi dalam sukan olahraga berkenaan seterusnya akan dipilih menjadi wakil sekolah ke kejohanan olahraga sama ada di peringkat sekolah mahu pun daerah pada tahun berikutnya.

"Pihak sekolah mengambil peluang berkenaan untuk mengenal pasti potensi dan bakat murid dalam bidang sukan untuk dijadikan bakat baharu sekolah pada setiap tahun.

"Kemudian bakat murid berkenaan akan digilap bagi memastikan mereka mampu menjadi wakil sekolah ke peringkat daerah atau negeri pada masa akan datang," katanya.

Selain menjadi platform pencarian bakat, Encik Wan Abdul Rahman berkata, sukan tahunan sekolah turut memberi banyak kelebihan kepada proses kemenjadian murid dengan melahirkan generasi yang cergas, sihat, mencapai keseimbangan jasmani, rohani, emosi dan intelek.



Murid SK Puchong Utama (2) melakukan persediaan untuk Sukan Sekolah.

**Kesan sukan**

Katanya, murid yang sihat dan cergas secara tidak langsung akan lebih cenderung untuk aktif dalam bidang akademik masing-masing.

"Bukan itu sahaja, malah kehadiran murid ke sekolah juga meningkat kerana rata-rata mereka akan tertarik dengan penganjuran sukan yang dilakukan oleh sekolah pada setiap tahun," katanya.

Encik Wan Abdul Rahman berkata, sukan juga boleh menjadi wadah perpaduan kaum dalam kalangan murid yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama.

Beliau berkata, kesepakatan dalam sukan dapat membentuk mereka menjadi individu yang lebih bertanggungjawab, menghormati antara satu sama lain, selain mampu membentuk diri menjadi seorang yang berdisiplin.

"Pembabitan dalam sukan tahunan sekolah diyakini akan terus memberi impak positif kepada proses pembentukan diri murid itu sendiri bukan sahaja untuk masa sekarang, malah untuk kemajuan masa hadapan," katanya.



Kesepakatan dalam sukan dapat membentuk mereka menjadi individu yang lebih bertanggungjawab, menghormati antara satu sama lain, selain mampu membentuk diri menjadi seorang yang berdisiplin"

**Encik Wan Abdul Rahman Wan Noh,** Penolong Kanan Kokurikulum SK Puchong Utama 2



# Timba ilmu, teknik baharu dalam bidang sukan

**Puchong:** Kejayaan yang dicipta murid dalam sesebuah acara sukan sudah pasti memberi banyak pengalaman baharu kepada mereka.

Setiap murid yang terbabit aktif dalam sesebuah acara sukan juga mampu menimba banyak ilmu dan teknik baharu dalam bidang sukan.

Murid Tahun Enam SK Puchong Utama 2, Kasih Muhammad Faris Azrul Irwan, berkata dia tidak menyangka kemampuannya dalam sukan olahraga menerusi penganjuran sukan sekolah berjaya digilap guru di sekolah, seterusnya membolehkannya mewakili Daerah Petaling Perdana, baru-baru ini.



**Kasih Muhammad Faris Azrul Irwan**

Katanya, penyertaannya itu turut melakar kejayaan sebagai johan bagi acara larian 4 x 200 m peringkat negeri dan memberi

banyak pengalaman baharu buat dirinya.

"Saya dapat menimba banyak ilmu baharu seperti teknik dan kemahiran larian yang betul, selain berjaya mengharumkan nama sekolah, keluarga dan daerah.

**Julang nama sekolah**


"Peluang ini tidak datang bergolek tanpa usaha dan Alhamdulillah dengan sokongan semua pihak, saya dapat membawa nama sekolah apabila mewakili daerah dalam kejohanan olahraga peringkat daerah," katanya yang bera-zam mahu meneruskan pengajian peringkat menengah di sekolah

sukan.

Rakannya, Iylia Atikah Zahari, 12, berkata pembabitan murid dalam acara sukan tahunan sekolah dapat membentuk keperibadian diri yang baik seperti lebih berdisiplin, menghormati orang lain dan melahirkan semangat kesukanan yang tinggi tanpa mengira bangsa.

Katanya, banyak pengalaman dan ilmu dapat ditimba sepanjang mengikuti acara sukan di sekolah, antaranya murid akan didedahkan dengan cara pengurusan masa yang sistematik, kerja berpasukan dan paling penting disiplin dalam pasukan.

"Tanpa itu semua, seseorang



**Iylia Atikah Zahari**

murid tidak dapat menimba pengalaman berharga yang dapat diperoleh menerusi penganjuran acara sukan di sekolah," katanya.



# Hujah Ainul Tasnim



➔ Murid SK Putrajaya Presint 11(2) aktif pengucapan awam sejak prasekolah

Oleh Maria Uffa Zulkafeli  
maria.uffa@bh.com.my

Putrajaya

**B**akat pengucapan awam personaliti *BH Didik* minggu ini mula diasah sejak berada di prasekolah lagi apabila diberi kepercayaan oleh guru untuk berucap di perhimpunan sekolah ketika itu. Sejak dari itu, Ainul Tasnim Mohd Shukri Hadafi, 12, semakin berkeyakinan untuk menyertai pertandingan bercerita, syarahan, pidato dan sajak.

Ikuti temubual *BH Didik* dengan murid Tahun Enam Sekolah Kebangsaan (SK) Putrajaya Presint 11(2).

**S : Bagaimanakah anda mula terabit dalam bidang pengucapan awam?**

Segala-galanya bermula ketika saya berusia enam tahun dan guru prasekolah mendedahkan saya dengan aktiviti pengucapan awam pada perhimpunan sekolah. Sejak itu, saya mula yakin untuk memasuki pertandingan bercerita, syarahan, pidato dan sajak. Suara saya yang agak lantang dan jelas, disamping kebolehan saya untuk menghafal dengan cepat menjadi faktor saya kerap dipilih untuk mewakili sekolah ke pelbagai pertandingan.

**S : Siapakah yang banyak memberi dorongan kepada anda?**

Selain daripada guru, keluarga saya adalah pendorong utama. Ibu saya terutamanya, sering mendorong saya untuk berani dan yakin dalam setiap aktiviti pengucapan awam yang saya sertai. Beliau menolong saya menghafal dan membuat latihan di rumah. Beliau juga memastikan saya tidak melupakan pelajaran sekiranya sibuk dengan pertandingan. Jika berkelapangan, beliau akan bersama-sama ke tempat pertandingan untuk memberi semangat kepada saya.

**S : Adakah anda menggunakan medium internet untuk melihat**

**bagaimana individu lain berpidato atau bersyarahan dengan hebat?**

Satu daripada kaedah untuk saya mempelajari teknik pengucapan awam dengan intonasi yang betul adalah menerusi YouTube. Saya akan melihat pemenang dan pembahas yang hebat dan belajar melaluinya. Saya akan membetulkan teknik syarahan dan bercerita berdasarkan perhatian saya itu. Banyak juga saya pelajari melalui medium berkenaan.

**S : Bagaimanakah aktiviti berkenaan membantu anda dalam pelajaran?**

Aktiviti pengucapan awam seperti bercerita, syarahan dan pidato amat membantu saya dalam pelajaran. Ini kerana, skrip yang dihafal memberikan saya maklumat baharu, membantu saya dalam menambak kosa kata dan membina ayat yang betul. Hal ini amat membantu saya menulis karangan, seterusnya mendapat markah yang baik. Bagi pertandingan bercerita Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), saya perlu menguasai subjek Sains dengan baik. Ini kerana, soalan spontan berkenaan Sains akan ditanya kepada peserta selepas selesai bercerita. Oleh sebab itu, secara tidak langsung, saya perlu belajar subjek itu terlebih dahulu sebelum menyertai pertandingan. Pengucapan awam

juga melatih saya untuk menjadi seorang yang berdisiplin dan menghargai masa antara pelajaran dan latihan. Saya juga menjadi berani dan yakin untuk berada di khalayak ramai dan berani memberikan pendapat. Untuk memberi syarahan dan pidato yang baik, saya perlu banyak membaca dan terpilih mewakili sekolah ke pertandingan Tokoh Nilam peringkat negeri.

**S : Slapakah idola anda?**

Idola saya ialah ibu saudara saya. Beliau adalah seorang ahli farmasi yang berjaya. Beliau sangat komited dengan tugasnya dan sentiasa berusaha untuk terus maju dalam kerjayanya. Sejak sekolah, beliau sentiasa cemerlang dalam pelajaran dan sangat aktif menyertai aktiviti luar kelas. Walaupun sudah berjaya, beliau sentiasa merendahkan diri dan sering bersedia untuk menghulurkan bantuan.

**S : Apakah harapan anda pada masa hadapan?**

Diharap saya dapat menjadi peminato atau pembahas yang hebat pada masa hadapan. Saya juga berharap dapat mencapai cita-cita saya untuk menjadi seorang ahli farmasi yang menghafaz al-Quran. Saya juga akan belajar bersungguh-sungguh supaya cita-cita itu tercapai dan dapat membalas jasa kedua-dua orang tua. Saya sangat berterima kasih kepada pihak sekolah kerana sentiasa memberi peluang dan ruang untuk saya mengembangkan bakat.



Aksi Ainul Tasnim yang mengenakan kostum ketika beraksi menyampaikan cerita.



Ainul Tasnim menunjukkan piala dan pingat yang pernah dimenangkinya.

## Ainul Tasnim Mohd Shukri Hadafi

Umur: 12 tahun

Tarikh lahir: 6 Januari 2007

Tempat lahir: Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu, Terengganu

Cita-cita: Ahli Farmasi dan Penghafaz al-Quran

Hobi: Membaca Buku

Pencapaian:

2019

- Johan Pertandingan Sajak Bahasa Arab
- Tempat ketiga Tokoh Nilam Bahasa Melayu peringkat Sekolah Rendah Putrajaya

2018

- Johan Pertandingan Bercerita Kisah-kisah al-Quran Majlis Tadarus al-Quran Sekolah-sekolah Peringkat Putrajaya
- Johan Pertandingan Bercerita STEM Sekolah Rendah Peringkat Putrajaya
- Johan Pertandingan Pidato Peringkat Sekolah

## redaksi

ENGERANG KUMPULAN BH  
Khalid A Majid

PENGERANG EKSEKUTIF KANAN  
Saidon Idris

PENGERANG EKSEKUTIF KOMERSIAL  
DAN EHWAL SEMASA  
Datuk Ahmad Zaini Kamaruzaman

PENGERANG EKSEKUTIF BERITA DAN DIGITAL  
M Thillindan

PENGERANG EKSEKUTIF PENGELOUARAN  
Azhar A. Samah

PENGERANG KANDUNGAN BM  
VERTIKAL PENDIDIKAN  
Ridzuan Yop

PENOLONG PENERANG BERITA PENDIDIKAN  
Mohd Zin Mohd Ali

KOORDINATOR  
Basir Zahrom

PENYUNTING  
Rusnita Pechok  
Ili Ruzana Razali  
Afdhal Ab Rahman  
Ammelia Asyiqin Dolbaharin

SWARTAWAN  
Maria Uffa Zulkafeli

ARTIS EKSEKUTIF  
Zainon Kadim  
Muhammad Adam Bidin

ILUSTRATOR  
Khairul Anuar Md Nor (Yan)  
Muhammad Hazam Nazri

PENGIRILAN  
TEL: 1 300 22 6787

BERITA HARIAN /  
VERTIKAL PENDIDIKAN  
TEL: 1 300 22 6787

LANGGANAN  
JABATAN PENGEDARAN DAN  
JUALAN, AKHBAR NSTP  
31, JALAN RIONG,  
59100 KUALA LUMPUR  
TEL: 1 300 22 6787  
E-mail: educationNSD@  
mediaprima.com.my

03-6081-2222 untuk ke pejabat

bhdidik@bh.com.my  
atau  
Batu Berita,  
31, Jalan Riong,  
59100, Kuala Lumpur

www.bhpendidikan.com.my

bhpendidikan

bhpendidikan











**Bahasa Melayu – Pemahaman (SJK)**

**TATABAHASA – KATA MAJMUK**

Kata majmuk ialah kata yang merangkai dua kata dasar dan membawa makna yang berbeza.

Contoh: kerusi malas

Ayat contoh: Datuk duduk berehat di atas kerusi malas sambil menonton televisyen.

Kata majmuk yang telah mantap dan dieja sebagai satu perkataan;

antarabangsa	beritahu	bumiputera
jawatankuasa	kakitangan	kerjasama
olahraga	matahari	setiausaha
sukaneka	suruhanjaya	tandatangan
tanggungjawab	warganegara	pesuruhjaya

**Latihan 1**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

balai raya	mengambil alih	urus niaga
alat tulis	tengah hari	kapal terbang
temu bual	gambar rajah	biru laut
luar biasa	mata pelajaran	hak milik
berkaki ayam	pilih kasih	buah hati

- Cikgu Nora mengajarkan \_\_\_\_\_ Pendidikan Jasmani setiap hari Isnin.
- \_\_\_\_\_ di kedai itu dijalankan menggunakan Ringgit Malaysia.
- Pemenang pingat emas acara lumba lari sedang di \_\_\_\_\_ oleh wartawan.
- Baju yang berwarna \_\_\_\_\_ itu agak mahal harganya.
- Lian Ni hanya \_\_\_\_\_ semasa bermain bola jaring.
- Nina menyediakan \_\_\_\_\_ sebelum menduduki ujian memandu.
- Para penduduk berkumpul di \_\_\_\_\_ untuk mengadakan mesyuarat.
- \_\_\_\_\_ itu sedang diwarnakan oleh Pei Shan.
- Encik David \_\_\_\_\_ pengurusan syarikat itu.
- \_\_\_\_\_ dari Kota Kinabalu selamat mendarat di lapangan terbang sebentar tadi.
- Nenek ditegur kerana bersikap \_\_\_\_\_ terhadap anak-anaknya.
- Persembahan kanak-kanak itu amat \_\_\_\_\_ dan mendapat tepukan gemuruh daripada penonton.
- Ketua kampung memberi \_\_\_\_\_ tanah di hujung kampung kepada cucunya.
- Angeina makan \_\_\_\_\_ dengan keluarganya di sebuah restoran.
- \_\_\_\_\_ abang bekerja di sebuah hospital swasta.

**Latihan 2**


Pilih jawapan yang sesuai untuk mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

Solalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



- Francis melihat pemandangan yang indah semasa menaiki \_\_\_\_\_ di Pulau Langkawi.  
A kereta kebal C kereta api  
B kereta kabel D kereta tolak
- Nini menerima \_\_\_\_\_ daripada ayahnya pada setiap awal bulan untuk perbelanjaan sekolahnya.  
A wang pendahuluan C wang saku  
B wang kecil D wang emas
- Daniel makan dua keping \_\_\_\_\_ dan kuah dal semasa sarapan dengan ibu bapanya.  
A roti kelapa C roti kaya  
B roti gulung D roti canai
- Laporan minit mesyuarat itu telah disediakan oleh seorang \_\_\_\_\_ yang rajin.  
A setiausaha C sukaneka  
B kakitangan D warganegara
- Kiki tidak memakai \_\_\_\_\_ ketika berlatih sukan di padang.  
A pakaian uniform C pakaian adat  
B pakaian sukan D pakaian angkatan
- \_\_\_\_\_ Janet luka terkena pisau semasa dia memotong buah jambu batu itu.  
A Buku lali C Cermin mata  
B Tali pinggang D Ibu jari

Solalan 7 berdasarkan gambar di bawah.



- \_\_\_\_\_ di puncak bukit itu dimiliki oleh seorang hartawan yang budiman.  
A Rumah papan C Rumah banglo  
B Rumah teres D Rumah pangsa
- Setiap murid \_\_\_\_\_ belajar supaya tidak mengecewakan ibu bapa mereka.  
A sukarela C diberitahu  
B bertanggungjawab D setiausaha
- Pertandingan teka silang kata itu terbuka kepada \_\_\_\_\_ Malaysia sahaja yang berumur 21 tahun ke bawah.  
A antarabangsa C olahraga  
B bumiputera D warganegara
- \_\_\_\_\_ lagu itu telah digubah oleh Cikgu Mai untuk murid-murid yang akan bersekolah di sekolah menengah.  
A Tutur kata C Kata aluan  
B Seni kata D Kata putus

**KATA MAJMUK, AUTOBIOGRAFI**

**PEMAHAMAN – AUTOBIOGRAFI**

**Latihan 3**

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Aku sebuah basikal yang berjenama Rally Aku dibuat di sebuah kilang yang terletak di Melaka. Setelah itu, aku diperiksa oleh pekerja kilang untuk memastikan aku tidak rosak.

Aku dan kawan-kawan telah dihantar ke sebuah kedai basikal di Tanjung Sepat dengan menggunakan sebuah lori yang kecil. Aku dan kawan-kawan dipamerkan di kedai basikal. Harga aku agak mahal iaitu RM1 500.

Banyak orang yang lalu-lalang melihat-lihat aku dan kawan-kawan di dalam kedai tersebut. Pada suatu hari, seorang lelaki membawa anaknya datang dengan kawan-kawannya. Apabila melihat aku, dia pun membayar harga aku di kaunter.

Nama tuanku ialah Alif. Alif menunggang aku ketika pergi ke sekolah atau ke padang dengan kawan-kawannya. Apabila malam, Alif menyimpan aku di dalam stor supaya aku tidak hilang.

Apabila badan aku kotor, Alif mencuci aku. Alif juga sentiasa menjaga kebajikanku supaya tidak rosak. Aku berasa sangat gembira sekali kerana mempunyai tuan yang bertanggungjawab.

- Di manakah "aku" dibuat?  
A Di sebuah kedai C Di sebuah stor  
B Di sebuah bengkel D Di sebuah kilang
- Bilakah pekerja kilang memeriksa badan "aku"?  
A Sebelum dihantar ke kedai basikal  
B Ketika ada orang ingin membelikan  
C Semasa berada di rumah tuannya  
D Sebelum dicuci oleh tuannya
- Bagaimanakah "aku" dan kawan-kawan dihantar ke kedai basikal?  
A Menaiki kereta yang besar  
B Dikayuh oleh tuannya  
C Menaiki lori yang kecil  
D Dituntun oleh tuannya
- Pilih pernyataan yang salah tentang petikan.  
A Tuan aku sangat bertanggungjawab  
B Aku dipamerkan di dalam kedai basikal  
C Harga aku agak mahal  
D Alif mencuci badanku pada setiap hari.
- Perkataan kebajikan dalam petikan bermaksud  
A kemakmuran C keindahan  
B kebaikan D kemampuan
- Mengapakah "aku" diperiksa oleh pekerja kilang?  
\_\_\_\_\_ (2 markah)
- Bilakah tuan "aku" menunggangnya?  
\_\_\_\_\_ (2 markah)
- Nyatakan pengajaran yang terdapat dalam petikan di atas.  
\_\_\_\_\_ (3 markah)
- Bina ayat pasif berdasarkan ayat aktif yang diberi.  
Ayat aktif: Alif juga sentiasa menjaga kebajikanku supaya tidak rosak.  
Ayat pasif:  
\_\_\_\_\_ (2 markah)



# KATA BILANGAN DAN SAJAK

## SISTEM BAHASA KATA BILANGAN

- Kata bilangan ialah kata yang digunakan untuk menghitungkan atau membilang sesuatu.
- Kata bilangan terdiri daripada tujuh jenis, iaitu:
  - kata bilangan kardinal
  - kata bilangan tak tentu
  - kata bilangan pecahan
  - kata bilangan nisbah
  - kata bilangan himpunan

### Penggunaan Kata Bilangan

**1. Kata bilangan tentu**  
Untuk menyatakan bilangan yang tentu. Mesti diikuti dengan penyebut bilangan yang sesuai.  
Contoh: satu, dua, tiga, empat, sepuluh, seratus.  
Ayat contoh: Adik ada menyimpan **dua** biji gula di dalam poket seluarinya.

**2. Kata bilangan tak tentu**  
Untuk menyatakan bilangan yang tidak tentu atau tidak diketahui bilangannya. Kata nama yang mengikutinya tidak perlu diulang kerana kata bilangan itu sudah menunjukkan maksud jamak.  
Contoh: beberapa, para, semua, segala, berlagak, bagai, pelbagai, sebahagian, sebilangan, sekalian, setengah setengah, sesetengah.  
Ayat contoh: Pihak polis sedang mengumpulkan **beberapa** bukti lagi untuk mendakwa penjenayah itu.

**3. Kata bilangan nisbah**  
Untuk menyatakan bilangan yang dikira satu per satu atau berasingan.  
Contoh: setiap, tiap-tiap, masing-masing.  
Ayat contoh: Pada **setiap** petang, Dr. Rizal akan menutup kliniknya pada pukul 6.00 petang.

**4. Kata bilangan pecahan**  
Untuk menyatakan bilangan yang mempunyai maksud pecahan.  
Contoh: satu perempat, dua pertiga, setengah, separuh, tiga suku.  
Ayat contoh: Hanya **dua pertiga** sahaja ahli persatuan itu yang hadir dalam mesyuarat agung tersebut.

**5. Kata bilangan himpunan**  
Untuk menyatakan bilangan perkara yang terhimpun.  
Contoh: kedua-dua, berpuluh-puluh, berbulan-bulan, berguni-guni.  
Ayat contoh: Telah **berbulan-bulan** ibu menunggu kepulangan abang dari bandar.

### Latihan 1

Pilih jawapan yang betul.

1. Pegawai Kesihatan itu menasihati penduduk kampung itu agar sentiasa menjaga kebersihan persekitaran rumah mereka.  
A para C setengah  
B segala D masing-masing

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah



2. \_\_\_\_\_ orang budak lelaki itu bebasahan kerana bermain hujan.  
A Dua C Empat  
B Tiga D Lapan
3. \_\_\_\_\_ makhluk yang hidup atau bernyawa pasti akan mati.  
A Para C Setengah  
B Tiap-tiap D Sebahagian
4. Pihak berkuasa telah menemukan \_\_\_\_\_ beras disorok di dalam sebuah gudang oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.  
A berguni-guni C bergudang-gudang  
B berkotak-kotak D bergantung-gantang
5. Mak Minah menjual \_\_\_\_\_ jenis kuih di geraiinya.  
A segala C tiap-tiap  
B sekalian D pelbagai

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah



6. Kakak telah mengasingkan \_\_\_\_\_ daripada kek itu untuk disimpan di dalam peti sejuk.  
A suku C sesetengah  
B separuh D dua pertiga
7. Kakitangan kerajaan akan bekerja \_\_\_\_\_ hari dalam seminggu.  
A tiga C tujuh  
B lima D sembilan
8. Penyanyi terkenal itu telah berjaya menghiburkan konsert tersebut. \_\_\_\_\_ peminatnya yang hadir menyaksikan.  
A setengah C ribuan  
B segala D pelbagai
9. Telah \_\_\_\_\_ lamanya perahu itu hanyut di laut, akhirnya perahu itu telah ditemukan oleh nelayan.  
A sekalian C berbagai-bagai  
B beberapa D berminggu-minggu

Soalan 10 berdasarkan gambar di bawah.



10. Setelah mencuba dengan \_\_\_\_\_ cara, akhirnya dia berjaya juga membuka peti besi itu.  
A sepuluh C pelbagai  
B tiap-tiap D sesetengah

### Latihan 2

Tandakan (✓) bagi ayat yang betul dan tandakan (X) bagi ayat yang salah

- (a) Ketiga-tiga orang anak Puan Yati telah berjaya menjadi guru.
- (b) Tiap orang peserta mendaftar di kaunter pendaftaran.
- (c) Farid telah berjaya mendapat tempat kesatu dalam perlantikan itu.

### Latihan 3

Isi tempat kosong dengan kata bilangan yang sesuai

segala	semua	sepuluh	para
sebahagian	pertama	beribu-ribu	beberapa

- (a) Perbandingan pidato itu telah disertai oleh \_\_\_\_\_ buah sekolah di daerah Kuala Langat.
- (b) Ayah menyimpan \_\_\_\_\_ daripada wang gajinya ke dalam Tabung Haji.
- (c) Guru besar menasihati \_\_\_\_\_ murid agar sentiasa mematuhi peraturan sekolah.
- (d) Jamal berjaya merangkul tempat \_\_\_\_\_ dalam pertandingan merentas desa itu.

### PEMAHAMAN - SAJAK

#### Latihan 4

Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

**Wahai nelayan**  
Tatkala subuh hening menyingsing  
Kau galas pendayang dan jalamu  
Menuju ke muara itu  
Berkelak ubi kayu dan ikan kering  
Di dadamu yang masih menyala ialah semangat

Perahu tua itu masih bisa berbakti  
Walau telah beberapa kali nyawamu hampir tergadai  
Hanya itulah satu-satunya nadi hidupmu  
Takkan mengalah  
Badai yang ganas tetap kau redah

Jalamu hanya sedepa  
Sedangkan dada laut luas terbentang  
Cuma bilis dan gelama singgah menerpa  
Pukat harimau tak mampu kau tentang  
Perahumu kan hanyut lantaran dayungmu cuma sebatang

**Duhai nelayan**  
Usahlah kau merintih lagi  
Kudratmu itu pasti kan terbalas jua  
Lihatlah di sana, anak dan cucumu  
Sudah pandai bermain gelombang lebih menggila  
Bukan lagi bilis dan gelama  
Malah, tuna dan salmon boleh kau ratak di atas meja.

1. Bilakah nelayan akan pergi ke laut?  
A Pada awal pagi C Pada waktu petang  
B Pada waktu senja D Pada tengah malam
2. Rangkaian kata sudah pandai bermain gelombang lebih menggila dalam petikan bermaksud  
A berani ke laut pada musim tengkujuh.  
B pandai berenang dan menyelamatkan diri.  
C mampu menangkap ikan di lautan yang lebih besar.  
D mempunyai kelengkapan menangkap ikan yang baharu.
3. Pernyataan berikut adalah benar tentang perahu nelayan itu, kecuali  
A perahunya ditambah di muara sungai.  
B perahunya telah lama digunakan.  
C perahunya besar dan teguh.  
D perahunya tidak berenang.
4. Apakah peralatan yang diperlukan oleh nelayan itu untuk ke laut?  
i. \_\_\_\_\_  
ii. \_\_\_\_\_  
iii. \_\_\_\_\_ [3 markah]
5. Apakah masalah yang kerap dihadapi oleh nelayan itu?  
\_\_\_\_\_ [2 markah]



Latihan 1

Gambar di bawah menunjukkan suasana di sebatang jalan raya. Tulis lima ayat yang lengkap tentang gambar tersebut.



1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_
5. \_\_\_\_\_

Latihan 2

Gambar di bawah menunjukkan suasana semasa kebakaran di sebuah kampung. Tulis lima ayat yang lengkap tentang gambar tersebut.



1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_
5. \_\_\_\_\_

Latihan 3


Gambar di bawah menunjukkan suasana memancing di tepi sungai. Tulis lima ayat yang lengkap tentang gambar tersebut.



1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_
5. \_\_\_\_\_

Latihan 4

Gambar di bawah menunjukkan suasana di dalam wad hospital. Tulis lima ayat yang lengkap tentang gambar tersebut.



1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_
5. \_\_\_\_\_



# BAHAGIAN C (SYARAHAN)

## Pengenalan

- Karangan syarahan jarang diuji dalam peperiksaan UPSR.
- Menulis karangan syarahan sama dengan karangan fakta dan yang membezakan ialah format karangan tersebut.
- Karangan syarahan ditulis untuk sesuatu pertandingan dengan kata alu-aluan mempunyai hakim.
- Murid boleh menggunakan teknik ICK (Isi-Contoh-Kesan) untuk menulis karangan syarahan agar lebih mudah.
- Bahasa yang digunakan ialah laras bahasa karangan fakta.

## Soalan dan Jawapan Contoh

Kamu telah dipilih untuk mewakili sekolah dalam pertandingan syarahan peringkat daerah. Tema pertandingan syarahan tersebut ialah budaya membaca. Tulis teks syarahan kamu untuk bertanding dalam pertandingan tersebut. Tulis teks syarahan kamu itu selengkapnya. Panjangnya jawapan kamu hendaklah antara 80 hingga 120 patah perkataan.

Selamat pagi dan salam sejahtera saya ucapkan kepada pengerusi majlis, barisan panel hakim dan sidang dewan sekalian.

Saya akan menyampaikan sebuah syarahan yang bertajuk "Budaya Membaca". Budaya membaca merupakan satu amalan yang mesti diamalkan kerana mempunyai banyak kebaikan. Terdapat pelbagai kelebihan budaya membaca kepada kita seandainya kita mengamalkannya.

Antara kelebihan amalan membaca ialah dapat mengisi masa lapang dengan perkara yang berfaedah. Contohnya kita boleh membaca ketika waktu rehat, cuti sekolah dan hujung minggu. Kesannya, masa akan terisi dengan aktiviti berfaedah dan terhindar daripada melakukan aktiviti negatif.

Sidang dewan yang dihormati sekalian,

Seterusnya, kelebihan amalan membaca juga dapat menambah ilmu pengetahuan kita. Kita boleh membaca pelbagai buku seperti buku sejarah, politik, sains dan ekonomi. Kesannya, kita dapat menggunakan ilmu pengetahuan yang diperolehi semasa peperiksaan.


Selain itu, membaca juga dapat memberi hiburan kepada kita. Kita akan rasa terhibur apabila membaca buku cerpen, novel dan majalah. Kesannya, kita akan rasa terhibur dan dapat menenangkan fikiran selepas mengulang kaji pelajaran.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Akhir sekali, membaca dapat meningkatkan kemahiran apabila mengamalkan amalan membaca. Kita akan dapat meningkatkan kemahiran berbahasa dan dapat menambah kosa kata atau perbendaharaan kata. Kesannya, kita boleh menggunakan kemahiran tersebut semasa berkomunikasi dengan orang lain.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai kelebihan amalan membaca seandainya kita mengamalkannya. Lantaran itu, kita seharusnya mengamalkan budaya membaca. Sekian, terima kasih.

## LATIHAN 1




Kamu akan mewakili sekolah dalam pertandingan syarahan peringkat daerah. Tema syarahan kamu ialah berkaitan masalah tidak menyalakan kerja sekolah. Tulis teks syarahan kamu itu selengkapnya. Panjangnya karangan kamu mestilah antara 80 hingga 120 patah perkataan.

## LATIHAN 2

Kamu akan mewakili sekolah dalam pertandingan syarahan peringkat kebangsaan. Tajuk syarahan kamu berkaitan dengan aktiviti belajar secara berkumpulan dapat meningkatkan prestasi murid dalam akademik dan perkembangan sahsiah. Tulis teks syarahan kamu itu selengkapnya. Panjangnya jawapan kamu hendaklah antara 80 hingga 120 patah perkataan.

## LATIHAN 3



Kamu akan mewakili sekolah dalam pertandingan syarahan peringkat negeri. Tajuk syarahan kamu berkaitan dengan aktiviti bersukan yang memberi banyak faedah kepada murid-murid. Tulis teks syarahan kamu itu selengkapnya. Panjangnya jawapan kamu hendaklah antara 80 hingga 120 patah perkataan.

## LATIHAN 4

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN  
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA  
KELUHURAN PERLEMBAGAAN  
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG  
KESOPANAN DAN KESUSILAN**

Kamu telah terpilih untuk mewakili sekolah dalam pertandingan syarahan peringkat kebangsaan. Tajuk syarahan ialah "Rukun Negara Membentuk Peribadi Murid". Tulis teks syarahan kamu itu selengkapnya. Panjangnya karangan kamu mestilah antara 80 hingga 120 patah perkataan.



Konsep	Nota
Faedah mudah	Sejumlah wang yang diperolehi apabila seseorang menyimpan wang di bank dalam sesuatu tempoh masa tertentu (setahun).
Faedah kompaun	Faedah yang diterima daripada wang simpanan dan faedah yang terkumpul setiap tahun.
Bajet	Anggaran wang pendapatan dan perbelanjaan.
Untung	Beza antara harga jual dengan harga beli. Harga jual melebihi harga beli.
Rugi	Beza antara harga jual dengan harga beli. Harga beli melebihi harga jual.
Harga kos	Harga barang yang diperolehi peniaga sebelum dijual.
Harga jual	Harga sesuatu barang yang dijual kepada pembeli.
Bil	Rekod pembelian yang meminta pembeli membuat pembayaran.
Diskaun	Potongan harga atau nilai yang dikurangkan daripada harga asal sesuatu barang.
Invois	Maklumat barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan kepada pelanggan dan jumlah wang perlu dibayar oleh pelanggan.
Rebat	Potongan daripada sejumlah bayaran atau pemulangan sebahagian wang selepas pembelian sesuatu barang.
Aset	Harta yang dimiliki seperti wang tunai dan harta benda.
Liabiliti	Tanggungjawab kewangan atau hutang seperti rumah, kereta, tanah, kad kredit dan lain-lain.
Cukai perkhidmatan	Cukai yang dikenakan atas perkhidmatan yang diberikan.
Instrumen pembayaran	Wang tunai, kad kredit, kad prabayar, kad debit, cek.

Contoh:

Najwa dan 5 orang rakannya makan tengah hari di sebuah restoran. Setiap orang telah memesan satu set makanan yang berharga RM12.50. Berapakah jumlah bil mereka jika cukai perkhidmatan sebanyak 6% dikenakan?

- A RM62.50                      C RM79.50  
B RM75.00                      D RM85.00

Penyelesaian:

Jumlah harga 6 set makanan:  $6 \times RM12.50 = RM75.00$

Cukai perkhidmatan:  $\frac{6}{100} \times RM75.00 = RM4.50$

Jumlah bil:  $RM75.00 + RM4.50 = RM79.50$

Jawapan: C

Latihan

- 1 Rajah 1 menunjukkan harga sepasang kasut. Diagram 1 shows the price of a pair of shoes.



RM26.90

Rajah 1 / Diagram 1

Encik Raymond membeli 12 pasang kasut itu. Hitung jumlah harga kasut yang dibeli oleh Encik Raymond. Mr Raymond bought 12 pairs of shoes. Calculate the total cost of the shoes bought by him.

- A RM252.80                      C RM312.80  
B RM302.80                      D RM322.80

- 2 Jadual 1 menunjukkan wang simpanan tetap Daniah selama setahun di sebuah bank pada 31 Disember 2018. Table 1 shows Daniah's fixed deposit for a year in a bank on 31 December 2018.

Simpanan tetap Fixed deposit	Kadar faedah setahun Interest rate per year
RM3 000	8%

Jadual 1 / Table 1

Hitung jumlah wangnya pada 1 Januari 2019. Calculate the total amount of his money on 1 January 2019.

- A RM240                              C RM3 200  
B RM3 240                          D RM3 420

- 3 Rajah 2 menunjukkan harga dan diskaun bagi sepasang baju sukan. Diagram 2 shows the price and the discount for a pair of sports clothing.



Harga / Price	Diskaun / Discount
RM180	15%

Rajah 2 / Diagram 2

Hitung harga sepasang baju sukan itu selepas diskaun. Calculate the price of a pair of sports clothing after discount.

- A RM126                              C RM153  
B RM144                              D RM165

- 4 Khairul dan tiga orang rakannya berkongsi sama rata wang hasil keuntungan jualan di kedai sebanyak RM3 680. Berapa banyakkah nilai wang yang Khairul akan dapat? Khairul and his three friends share their sales profit of RM3 680 equally. How much money does Khairul get?

- A RM732                              C RM910  
B RM820                              D RM920

- 5 Dania telah membayar RM25 300 untuk sebuah rumah yang berharga RM54 900. Berapakah baki wang yang masih perlu dibayar untuk rumah tersebut? Dania paid RM 25 300 for a house worth RM54 900. How much balance does she need to pay for the house?

- A RM29 600                          C RM79 600  
B RM31 600                          D RM80 200

- 6 Harga kos sehelai baju kemeja ialah RM60. Seorang peniaga menjual setiap helai baju kemeja dengan keuntungan 20%. Hitung jumlah harga jual bagi 6 helai baju kemeja yang sama.

The cost price of a shirt is RM60. A seller sells each shirt at a profit of 20%. Calculate the total selling price for 6 similar shirts.

- A RM72                                  C RM360  
B RM308                              D RM432

- 7 Simpanan Nagesh ialah RM34 080. Damia mempunyai simpanan RM6 330 kurang daripada Nagesh. Hitung simpanan Damia.

Nagesh's savings is RM34 080. Damia has a savings of RM6 330 less than Nagesh. Calculate Damia's savings.

- A RM27 850                          C RM27 760  
B RM40 410                          D RM27 750

WANG (PENYELESAIAN MASALAH)

- 8 Sebuah buku berharga RM9.80. Darwish mendapat diskaun RM1.50 bagi setiap buku. Berapakah yang perlu dia bayar bagi 40 buah buku? One book costs RM9.80. Darwish gets a discount of RM1.50 for each book. How much does he have to pay for 40 books?

- A RM60                                  C RM392  
B RM332                              D RM452

- 9 Pak Daud membeli 80 kg beras dan menjual kesemuanya dengan harga RM2 800. Dia mendapat keuntungan sebanyak RM248. Hitung harga beli sekilogram beras. Pak Daud bought 80 kg of rice and sold all of them for RM2 800. He made a profit of RM248. Calculate the price for 1 kg of rice.

- A RM31.90                              C RM35.60  
B RM32.25                              D RM36.80

- 10 Jadual 2 menunjukkan barang yang dibeli oleh Qaseh. Harga beg tangan tidak ditunjukkan. Table 2 shows the items bought by Qaseh. The price of handbag is not shown.

Barang Items	Kuantiti Quantity	Harga Price
Beg tangan / Handbag	2	
Kasut / Shoes	1	RM30.60

Jadual 2 / Table 2

Qaseh membayar dengan sekeping wang RM100 dan menerima baki RM43.60. Hitung harga sebuah beg tangan. Qaseh pays with a piece of RM100 note and receives a change of RM43.60. Calculate the price of a handbag.

- A RM12.90                              C RM4 50  
B RM6.45                              D RM3 20

- 11 Rajah 3 menunjukkan harga jual sebuah motosikal sebelum diskaun. Diagram 3 shows the selling price of a motorcycle before a discount.



RM4 650

Rajah 3 / Diagram 3

Harga motosikal selepas diskaun ialah RM3 080. Cari potongan harga daripada harga jual asal.

The price of the motorcycle after discount is RM3 080. Find the price reduction from the original selling price.

- A RM1 370                              C RM1 570  
B RM1 450                              D RM1 870

- 12 Maisarah menyimpan wang di Bank Cemerlang dengan kadar faedah 5.2% setahun. Wang simpanannya ialah RM25 000. Hitung jumlah wangnya selepas setahun.

Maisarah saves her money in Bank Cemerlang with 5.2% interest per annum. Her savings is RM25 000. Calculate the amount of her money after a year.

- A RM25 340                              C RM26 160  
B RM25 680                              D RM26 300

- 13 Rajah 4 menunjukkan harga jual bagi sebuah telefon pintar. Diagram 4 shows the selling price of a smart phone.



RM1 800

Rajah 4 / Diagram 4

Jika untung yang diperolehi daripada jualan ialah RM435, cari harga kos bagi telefon pintar tersebut.

If the profit obtained from the sale is RM435, find the cost price of the smart phone.

- A RM1 245                              C RM1 465  
B RM1 365                              D RM2 235












# MAGNET DAN PENGUKURAN

## Magnet (Tahun 3)

- Magnet merupakan sejenis logam yang juga dikenali sebagai besi berani.
- Bentuk-bentuk magnet.



- Terdapat dua kutub pada magnet iaitu kutub utara dan kutub selatan.
- Kutub yang sama saling menolak dan kutub yang berlainan akan saling menarik.
- Bahan magnet dan bukan magnet.
  - Bahan magnet ialah bahan yang boleh ditarik oleh magnet.
  - Bahan bukan magnet ialah bahan yang tidak dapat ditarik oleh magnet.

Bahan magnet	Bahan bukan magnet

- Contoh bahan magnet adalah seperti skru, paku tekan, klip kertas, pengetip kuku dan kunci.
- Contoh bahan bukan magnet pula adalah seperti pensel kayu, bulu tangkis, sikat, buku dan bekas aluminium.
- Kegunaan magnet dalam kehidupan harian
  - melekatkan tanda nama pada baju
  - jarum bermagnet dalam kompas
  - magnet pada pintu peti sejuk
  - magnet pada pelekat memo
  - magnet digunakan pada buat catur

## Pengukuran (Tahun 4)

- Kita mengukur luas, masa, panjang, isi padu dan jisim menggunakan alat-alat pawai. Walau bagaimanapun alat-alat tidak pawai masih lagi digunakan dalam kehidupan seharian kerana alat-alat ini boleh digunakan sebagai panduan atau rujukan sendiri.

